

IMPAK TEKNOLOGI DAN HARGA TERHADAP PENGELUARAN  
BUAH SAWIT DI MALAYSIA

HASLINA BINTI LUDIN

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2012

c/n: 8998

1100089275

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)  
Universiti Malaysia Terengganu



LP 12 FPE 1 2012



1100089276

Impak teknologi dan harga terhadap pengeluaran buah sawit di  
Malaysia / Haslina Ludin.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

1100089275		

Lihat Sebelah

**HAK MILIK**  
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**IMPAK TEKNOLOGI DAN HARGA TERHADAP PENGELUARAN  
BUAH SAWIT DI MALAYSIA**

**HASLINA BINTI LUDIN  
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**2012**

## PENAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO 4998/4999) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

6 Jun 2012

  
.....  
HASLINA BINTI LUDIN  
(UK 20930)

## DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (ECO 4998/4999) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

6<sup>th</sup> June 2012

  
.....  
HASLINA BINTI LUDIN  
(UK 20930)

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera...

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya dapat juga saya menyiapkan Projek Ilmiah Tahun Akhir(PITA) dalam tempoh yang ditetapkan tahun ini. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Fakulti Pengurusan Ekonomi Universiti Malaysia Terengganu kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyediakan PITA sebagai syarat kelayakan untuk saya bergraduat.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelarar saya juga merupakan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Ekonomi(FPE) iaitu kepada Prof. Nik Hashim Bin Nik Mustapha kerana telah banyak memberi banyak nasihat dan tunjuk ajar kepada saya dalam tempoh menyiapkan PITA ini. Segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan oleh beliau kepada saya amat saya hargai dan akan diingati di mana jua saya berada. Kegigihan beliau memberi tunjuk ajar dan dorongan nasihat kepada saya telah memberikan saya semangat untuk menyiapkan PITA ini pada masa yang ditetapkan. Oleh itu, saya amat menyanjung tinggi segala pengorbanan yang beliau berikan.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dengan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak kerana sudi memberi dorongan dan semangat kepada saya, terutamanya keluarga dan rakan-rakan saya yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada saya. Dengan adanya nasihat dan sokongan dari mereka membolehkan saya menyiapkan PITA ini dengan sebaik mungkin. Keprihatinan dan keikhlasan yang mereka berikan membuat saya begitu terharu dan bersyukur. Ribuan terima kasih kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya kerana telah banyak berkorban untuk kejayaan saya dan amat memahami segala kehendak dan keperluan saya.

Oleh itu, saya amat berharap agar PITA yang saya siapkan ini akan mendapat penilaian yang baik dan sewajarnya dari pihak universiti. Diharapkan segala pandangan yang saya berikan melalui projek ini dapat diterima untuk dijadikan panduan bagi membantu kearah kajian yang lebih baik pada masa hadapan. Akhir bicara sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini.

## ABSTRAK

Malaysia adalah sebuah negara yang menunjukkan kemajuan dari sektor pertanian terutamanya dalam pengeluaran kelapa sawit. Malaysia adalah pengeluar dan pengekspor terbesar kelapa sawit di dunia dan mengetuai negara dalam tempoh menanam dan memproses kelapa sawit. Pencapaian ekonomi Malaysia juga dipengaruhi oleh sektor pengeluaran buah sawit di Malaysia. Hal ini demikian kerana, kelapa sawit adalah sumber pertanian yang paling utama di negara Malaysia. Namun, isu dan masalah juga sering timbul berkaitan pengeluaran buah sawit di Malaysia iaitu disebabkan tenaga buruh yang tidak mencukupi, pencemaran dari ladang kelapa sawit, permintaan dunia yang tidak stabil dan kos pengeluaran yang tinggi. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauh manakah hubungan teknologi dan harga kelapa sawit di Malaysia terhadap pengeluaran buah sawit di Malaysia. Bagi membuktikan objektif ini, analisis telah dijalankan dengan menggunakan perisian Microfit dan dengan menggunakan model log linear serta menggunakan data siri masa dalam tempoh 31 tahun iaitu dari tahun 1978 hingga 2008. Data yang diperolehi diuji dengan menggunakan ujian kepegunan Univariate, Multivariate dan Phillip Perron. Ujian Granger dijalankan untuk melihat hubungan antara pembolehubah dan turut dijalankan ujian punca unit Augmented Dickey-Fuller. Secara keseluruhan hasil yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan bahawa teknologi dan harga buah sawit mempengaruhi pengeluaran buah sawit secara positif. Ini bermakna peningkatan bagi teknologi akan menyebabkan peningkatan pengeluaran buah sawit dan sebaliknya. Begitu juga apabila harga buah sawit berlaku peningkatan turut menyebabkan pengeluaran buah sawit meningkat dan sebaliknya.

## **ABSTRACT**

*Malaysia is a country that shows the progress of the agricultural sector, especially in palm oil production. Malaysia is the world's largest producer and exporter of palm oil and the leading country in term of planting and processing of palm oil. Malaysia economic achievement is also influenced by the palm oil production sector in Malaysia. This is because, oil palm is the most important agricultural resources in Malaysia. However, the issues and problems often arise regarding the production of palm oil in Malaysia because of insufficient labor, pollution from oil palm plantations, unstable world demand and high production costs. This study was done to examine how war the technology and the price of palm oil in Malaysia influence oil palm production in Malaysia. To prove this objective, the analysis was conducted using Microfit and using log-linear model and using time series data within 31 years from 1978 to 2008. The data obtained were tested using stationarity tests which are Unitvariate, Multivariate and Phillip Perron. Granger tests conducted to examine the relationships between variables and unit root tests were also carried out Augmented Dickey-Fuller. On the whole the results obtained from this study indicate that the technology and the price of palm oil affect positively the production of palm oils. This means that improvements in technology will lead to increased production of oil palm and vice versa. Similarly, when the price of oil has been an increase also will result in increasing the production of oil palm and vice versa.*